

25 SEP 2002
Ireland-Lawatan
PRESIDEN IRELAND LAWAT MALAYSIA AHAD INI

KUALA LUMPUR, 25 Sept (Bernama) -- Presiden Ireland Mary McAleese akan mengadakan lawatan negara ke Malaysia dari 29 Sept hingga 2 Okt atas jemputan Yang di-Pertuan Agong Tuanku Syed Sirajuddin Syed Putra Jamalullail.

Lawatan itu bertujuan untuk meningkatkan lagi hubungan erat dua hala dan kerjasama ekonomi antara kedua-dua negara, menurut satu kenyataan Wisma Putra di sini hari ini.

Yang di-Pertuan Agong akan meraikan Presiden itu pada majlis jamuan negara Isnin depan sementara Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad akan membuat kunjungan hormat terhadap presiden itu pada sebelah pagi.

Presiden McAleese akan diiringi suaminya Dr Martin McAleese, Menteri Pendidikan dan Sains Ireland Noel Dampsey, beberapa pegawai kanan kerajaan dan ahli perniagaan Ireland.

Beliau dijangka menyampaikan ceramah umum anjuran Institut Diplomasi dan Hubungan Luar pada 30 Sept dan berucap pada jamuan tengah hari anjuran Dewan Perniagaan dan Perindustrian Malaysia pada 1 Okt.

McAleese juga akan melawat Muzium Islam dan Menara Kembar Petronas di Kuala Lumpur City Centre (KLCC) serta mengadakan kunjungan singkat ke Pulau Pinang untuk bertemu dengan Yang Dipertua Negeri Tun Abdul Rahman Abas serta melawat Kolej Perubatan Pulau Pinang.

Hubungan antara Malaysia dan Ireland sentiasa baik dan mesra yang telah diperkukuhkan lagi dengan pengwujudan pejabat perwakilan di ibu negara masing-masing.

Hubungan kedua-dua negara terjalin dalam pelbagai bidang seperti perdagangan, pendidikan dan pelancongan, menurut kenyataan itu.

-- BERNAMA
AZH AZH RON